

Publication: **Berita Harian**

Date: **6 November 2020**

Headline: **Belanjawan 2021: RM780 juta bagi koridor wilayah pembangunan ekonomi**

## Belanjawan 2021: RM780 juta bagi koridor wilayah pembangunan ekonomi

November 6, 2020 @ 10:52pm



Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, selepas membentangkan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat, hari ini. - FOTO BERNAMA

KUALA LUMPUR: Projek pembangunan di lima koridor wilayah pembangunan ekonomi, akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM780 juta.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata projek berkenaan termasuk Sistem Pengangkutan Bas Rapid Transit di tiga laluan berkapasiti tinggi dan pembinaan 'Busway' di kawasan pembangunan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA).

Selain itu, beliau berkata, projek pembinaan Jambatan Palekbang ke Kota Bharu, Kelantan, bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

"Seterusnya, pembinaan infrastruktur dan komponen Projek Zon Pembangunan Khas di Yan dan Baling, Kedah, bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

"Di samping itu, projek infrastruktur di Kawasan Perindustrian Samalaju, Sarawak, bawah Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE), dan penyambungan projek pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Sabah, bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC)," katanya dalam pembentangan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat, semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, galakan cukai sedia ada bagi Koridor Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Iskandar Malaysia dan SDC dilanjutkan hingga 2022.

"Peruntukan sebanyak RM150 juta juga disediakan bagi Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Kesang dan Tasik Biru ke Empangan Jus, Melaka.

"Selanjutnya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan meneruskan pembangunan Kwasa Damansara dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM50 bilion.

"Ia merangkumi pembangunan kawasan komersial, kediaman, infrastruktur sosial, hab inovasi dan perubatan. Lebih 100,000 peluang pekerjaan bakal dijana, manakala lebih 250,000 unit rumah meliputi 10,000 unit rumah mampu milik, akan dibina," katanya.